

30 NOV 1999

P/Raya-Mahathir (Menang)

DR MAHATHIR KEKALKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu bagi penggal ketujuh berturut-turut setelah menewaskan anggota jawatankuasa pusat PAS Subky Latif.

Dr Mahathir memenangi kerusi itu dengan majoriti 10,138 undi setelah mendapat 22,399 undi manakala Subky 12,261 undi pada pilihan raya umum ke-10 semalam.

Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Kedah/Perlis mengeluarkan keputusan itu pada pukul 1.34 pagi ini.

Kubang Pasu mempunyai 45,925 pemilih. Sebanyak 78.62 peratus atau seramai 35,337 pemilih mengundi.

Terdapat 677 undi rosak.

Dengan keputusan itu, bermakna Dr Mahathir kekal mempertahankan kerusi parlimen Kubang Pasu sejak 1974.

Pada pilihan raya 1995, Dr Mahathir memperolehi 24,495 undi bagi menewaskan calon PAS Ahmad Mohd Alim yang mendapat 7,269 undi dengan majoriti 17,226 undi.

Pada 1974, Dr Mahathir menang tanpa bertanding selepas PAS yang menjadi musuh tradisi UMNO meyeritai BN.

Pada pilihan raya 1978, Dr Mahathir menewaskan calon PAS, bekas setiausaha agung PAS Halim Arshat dengan majoriti 8,245 undi. Dr Mahathir mendapat 18,198 undi manakala Halim memperolehi 9,953 undi.

Pilihan raya 1982, menyaksikan peristiwa "luka lama berdarah kembali" apabila PAS meletakkan Presidennya Haji Yusof Rawa menentang Dr Mahathir di Kubang Pasu.

Yusof Rawa pernah menumpaskan Dr Mahathir pada pilihan raya umum 1969 dengan majoriti 989 undi di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan (di Kedah).

Bagaimanapun pada 1982 giliran Dr Mahathir pula menumpaskan Haji Yusof Rawa dengan majoriti 15,761 undi.

Pada pilihan raya umum 1986 Dr Mahathir menundukkan calon PAS Dr Azizan Ismail di Kubang Pasu dengan majoriti 15,298 undi.

Pada 1990, Presiden Hamim Datuk Sudin Wahab yang mewakili Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang bertanding atas tiket Parti Melayu Semangat 46 pula menentang Dr Mahathir di Kubang Pasu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menewaskan Sudin dengan majoriti 22,062 undi.

-- BERNAMA

HT JM NMO